

26 JUL 1997

MAHATHIR SEBUT SOROS SEBAGAI BERTANGGUNG JAWAB KE ATAS SERANGAN MATAWANG

Oleh: Azlina Aziz

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menamakan hartawan George Soros yang berpangkalan di Amerika Syarikat sebagai orang yang bertanggung jawab terhadap serangan ke atas ringgit dan matawang-matawang lain di rantau ini.

"Dia (Soros) juga dikenali sebagai orang yang cuba menggunakan pengaruh kewangannya di Amerika Syarikat untuk menghalang kemasukan Myanmar menganggotai Asean," tambahnya.

"Adalah sukar untuk memisahkan tangan kanan dan tangan kiri dan kadang kala anda tidak menyedari apakah yang dilakukan oleh tangan kanan anda. Tetapi dalam hal ini ia ternyata terdapat pertembungan. Dan hari ini, saya mengesahkan bahawa Geroge Soroslah orang yang saya perkatkan," jelasnya.

Baru-baru ini, Dr Mahathir semasa lawatan tidak rasminya ke Okayama, Jepun telah mendakwa bahawa seorang hartawan asing, yang beliau tidak menyebut namanya, telah mengganggu gugat matawang-matawang di rantau ini untuk tujuan politiknya sendiri.

Akibatnya, matawang Asean bermula dengan baht Thai, diikuti oleh peso Filipina, rupiah Indonesia dan ringgit mengalami tekanan spekulatif secara besar-besaran sejak awal bulan ini.

Ketika ditanya pemberita tentang tindakan apakah yang harus diambil memandangkan isu semasa dianggap amat "serius" dan mungkin merosakkan ekonomi seluruh rantau ini, Dr Mahathir menjawab: "Memang, ia amat serius...akibatnya rakyat yang dhaif di negara-negara ini menanggung derita dan inilah orang-orang yang perlu dilindungi dari Geroge Soros yang mempunyai terlalu banyak wang dan kuasa tetapi tidak berperni kemanusiaan."

Katanya dengan kejatuhan nilai matawang di negara serantau, negara-negara miskin terpaksa "membayar lebih kerana mereka tiada pilihan melainkan membelinya dari luar negara."

"Kita telah bertungkus lumus selama 20 hingga 40 tahun untuk memajukan negara-negara untuk menikmati apa yang dicapai sekarang dan tiba-tiba datang seorang yang mempunyai wang berjuta-juta dolar Amerika dan dalam tempoh dua minggu, dia telah merosakkan hampir kesemua yang telah dicapai. Siapa yang menolong siapa...Itu yang saya ingin ketahui," katanya.

Dr Mahathir juga berkata apa yang berlaku sekarang adalah hampir serupa dengan apabila Kumpulan Tujuh memutuskan beberapa tahun lalu untuk menilai semula yen.

"Akibatnya, terutamanya Malaysia, terpaksa mendapatkan lebih banyak ringgit untuk membayar balik hutang (yennya). Malahan, kita terpaksa mencari lebih daripada dua setengah kali ringgit untuk membayar balik (yen) hutang," katanya.

Bagaimanapun, Pengurusan Tabung Soros (SFM) menafikan di New York pada Khamis lalu berhubung dakwaan bahawa ia telah campur tangan di pasaran matawang Asia Tenggara untuk menghukum kerajaan-kerajaan yang menyokong kemasukan Myanmar menganggotai Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) yang sedang bermesyuarat di ini.

Jurucakap SFM, Shawn Pattison berkata tiada hubungan langsung antara kegiatan SFM dan pertubuhan amal yang diasaskan Soros, iaitu Institut Masyarakat Terbuka yang bertujuan mempromosikan demokrasi di seberang laut.

-- BERNAMA

AA MA